

09/12/2001

Umno tidak letak sebarang syarat kepada PBS

KUANTAN: Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak meletakkan sebarang syarat berhubung persetujuan kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata malah wakil Umno Sabah dalam MT juga bersetuju dengan kemasukan semula PBS itu.

"Memang MT mendengar pendapat wakil Umno Sabah tetapi mereka tidak membantah penyertaan semula PBS itu.

"Persetujuan Umno mengenai permohonan PBS itu perlu dilihat secara keseluruhan membabitkan kepentingan politik nasional serta Sabah pada masa ini," katanya selepas memberi sumbangan persiapan Aidilfitri kepada warga miskin dan tua di Balok, dekat sini, semalam.

Mohd Khalil ditanya mengenai sama ada PBS perlu membuat pengakuan atau ikrar untuk tidak mengambil tindakan keluar daripada gabungan parti komponen kerajaan itu seperti dilakukannya pada 1990.

Selepas mesyuarat MT kelmarin, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan MT bersetuju PBS menyertai semula BN dan pendirian itu akan dinyatakan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN selepas Aidilfitri.

Katanya, segala masalah yang merumitkan kemasukan semula PBS ke dalam BN sudah diselesaikan dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, baru-baru ini.

"Oleh itu, mesyuarat MT kelmarin tidak mengenakan apa-apa syarat dan bersikap terbuka," katanya.

(END)